

Kukuhkan perniagaan dahulu sebelum cuba berkembang

SYARIKAT-SYARIKAT baru atau *start-up* harus menumpukan kepada perniagaan utama dahulu sebelum mempelbagaikan perniagaan mereka.

Ini penting bagi memastikan perniagaan utama dapat menjana pendapatan yang baik, nasihat Ketua Pegawai Eksekutif Second Chance Properties (SCP), Encik Salleh Marican.

Beliau berkongsi pandangannya dalam Siri *Perbualan dengan CEO* anjuran Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Singapura (DPPMS) di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) kelmarin, yang dihadiri hampir

30 peserta termasuk golongan peniaga dan pelajar.

Encik Salleh yang merupakan penceramah pertama bagi siri tersebut, berpendapat firma-firma yang baru hendak bertapak perlu fokus mengukuhkan perniagaan utama mereka sebelum meninjau segmen perniagaan lain.

“Saya rasa seorang peniaga itu harus melihat kepada tahap perniagaan mereka – sama ada dalam keadaan mantap atau tidak.

“Jika anda peniaga baru, saya rasa penting untuk menstabilkan perniagaan utama dan

memastikan semuanya dapat berjalan dengan licin di samping dapat menjana pendapatan atau pulangan yang konsisten untuk firma anda.

“Apatah lagi kalau anda sedang bergelut untuk berniaga buat pertama kali, lebih kritikal lagi untuk mengukuhkan perniagaan utama,” kata usahawan berusia 64 tahun itu.

Encik Salleh mengambil contoh dirinya yang bertapak dalam bidang kedai menjahit baju tetapi kemudian cuba untuk mempelbagaikan perniagaannya dengan memasuki bidang dagangan dan industri halal.

Namun akhirnya, beliau terpaksa mengundurkan diri daripada kedua-dua bidang itu kerana kurang kemahiran dan persaingan tinggi.

“Pada akhirnya, saya kembali memberi tumpuan kepada perniagaan utama saya iaitu bidang jahitan kerana saya memang mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam bidang ini.

“Saya sedar pentingnya menumpukan perhatian kepada bidang perniagaan yang menjadi kepakaran saya dan mengembangkannya. Setelah itu barulah saya boleh mempelbagaikan perniagaan saya,” jelas Encik Salleh.

Kini selain daripada memiliki rangkaian kedai pakaian wanita, First Lady, syarikat beliau juga giat dan cemerlang dalam bidang hartanah, dengan memiliki 76 hartanah runcit yang menjana pendapatan sewa serta kedai emas, Golden Chance.

“Walaupun sebagai peniaga yang mapan, kadangkala saya rasa sukar dan mencabar untuk mempertahankan perniagaan yang berbagai-bagai, apatah lagi mereka yang baru hendak bermula!” ujar Encik Salleh lagi.

Syarikatnya merupakan satu-satu syarikat Melayu yang disenaraikan dalam bursa saham Singapura.